



TEKS UCAPAN

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN AGENDA PERBANDARAN BAHARU
PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC)
24 OKTOBER 2017 SELASA 2.30 PETANG

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

YBhg Datuk Mohammad bin Mentek

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Dr. Mary Wong Lai Lin

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Tuan Zamri bin Salleh

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Tuan Khairul Dzaimie Bin Daud

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs Puan Norliza Hashim

Ketua Eksekutif

Urbanice Malaysia merangkap Pengerusi Majlis Pelancaran Agenda Perbandaran Baharu pada hari ini

Ketua-ketua Perkhidmatan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan serta Negeri,

Yang Berbahagia Datuk-Datuk Bandar, Yang DiPertua dan Presiden Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia Salam Negaraku Malaysia

1. Terlebih dahulu, pada petang yang berbahagia ini, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul pada petang ini untuk menyaksikan Majlis Pelancaran Agenda Perbandaran Baharu pada hari ini.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Perkhidmatan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, Yang Berbahagia Datuk-Datuk Bandar, Yang DiPertua dan Presiden Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
3. Seperti mana yang telah dimaklumkan tadi oleh YBhg Datuk KSU, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama PLANMalaysia – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia melalui Urbanice Malaysia akan menganjurkan Forum Bandar Sedunia (World Urban Forum - WUF) ke 9 pada 7-13 Februari 2018.
4. Forum ini merupakan acara dwi tahunan yang diadakan oleh Program Penempatan Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-HABITAT) yang bertujuan untuk mengkaji isu-isu global yang berkaitan penempatan manusia dan pembangunan perbandaran. Malaysia akan menjadi negara kedua di benua Asia yang menganjurkan WUF setelah WUF4 telah diadakan di Nanjing, China pada tahun 2008.
5. Tema Forum pada tahun ini *Cities 2030 Cities for All: Implementing New Urban Agenda* untuk membincangkan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu telah diterima (*adopted*) oleh 170 buah Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semasa persidangan Habitat III di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016 yang lalu.
6. Dokumen Agenda Perbandaran Baharu ini berbentuk *political statement* yang akan mencorakkan hala tuju pembangunan dan

kesejahteraan bandar untuk tempoh 20 tahun akan datang yang berkait dengan kemampuan bandar melalui menjadikan bandar lebih inklusif, selamat, berdaya tahan dan sejahtera.

7. Secara konsepnya, Agenda Perbandaran Baharu meliputi 5 aspek-aspek utama seperti berikut:
 - a. Dasar Perbandaran Negara (National Urban Policy);
 - b. Perundangan dan Peraturan Perbandaran (Urban Legislation Rules and Regulation);
 - c. Rekabentuk dan Perancangan Perbandaran (Urban Planning and Design);
 - d. Sistem Kewangan Majlis Perbandaran dan Ekonomi Bandar (Urban Economy and Municipal Finance); dan
 - e. Pelaksanaan Tempatan (Local Implementation)

8. Namun begitu, dokumen ini bukan hanya menyentuh isu-isu berkaitan perancangan dan pembangunan bandar sahaja, malahan turut menyentuh pelbagai *cross-cutting issues* yang melangkaui bidang Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu *governance structure, social inclusion, spatial development, urban prosperity, dan environmentally sustainability*, di mana skop ini melibatkan pelbagai kementerian, jabatan-jabatan dan juga Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.

9. Dokumen ini menggariskan wawasan yang sama dan standard global untuk pembangunan bandar di dekad akan datang. Agenda Perbandaran Baharu menawarkan satu anjakan paradigma dalam cara kita berfikir, membina dan mewujudkan rangkaian

pembangunan dalam menguruskan bandar-bandar pada masa akan datang secara holistik dan mampan.

10. Majlis Pelancaran dan sesi dialog pada hari ini merupakan titik tolak kepada memperkenalkan Agenda Perbandaran Baharu kepada jabatan-jabatan persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) dalam melaksanakan dokumen ini secara berperingkat-peringkat dan dibincangkan bersama dengan negara-negara lain semasa Forum Bandar Sedunia pada tahun 2018.

Dato' - Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

11. Akhir kata, saya berharap semua pihak untuk bersama-sama memahami kandungan Agenda Perbandaran Baharu ini dan melaksanakannya di peringkat tempatan seterusnya memastikan kemampuan perbandaran kita.
12. Sumbangan kita dalam melaksanakan dokumen ini secara kolektif melalui kolaborasi antara jabatan-jabatan di peringkat persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) mungkin kecil tapi impaknya bermakna untuk kita nikmati bersama.
13. Walau pun ia tidak dapat dizahirkan dalam satu jangkamasa yang pendek, konsistensi kita, pastinya akan menghasilkan persekitaran perbandaran yang mampan dan mampu mensejahterakan kehidupan penduduknya.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Agenda Perbandaran Baharu.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi-Wabarakatuh. Terima Kasih.